

Bongkar kartel dadah, wartawan dibunuh

17 Mei 2017



MEXICO CITY 16 Mei – Seorang wartawan tempatan yang melaporkan tentang keganasan kumpulan dadah di negara ini, ditembak mati semalam.

Menurut sumber, Javier Valdez, 50, yang juga penulis sambilan bagi agensi berita AFP dibunuh berhampiran premis Riodoce, sebuah akhbar harian Mexico yang diasaskannya di tempat lahirnya, Culiacan di barat laut Sinaloa.

Valdez yang juga pemenang Anugerah Kebebasan Media Antarabangsa anjuran Jawatankuasa Perlindungan Wartawan (CPJ) yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) merupakan wartawan kelima yang ditembak mati di Mexico pada tahun ini.

“Kami terkejut dengan tragedi itu dan merakamkan takziah kepada keluarga Valdez,” kata Pengarah Berita Global AFP, Michele Leridon.

Presiden Mexico, Enrique Pena Nieto dalam akaun Twitter miliknya berkata, pihaknya telah mengarahkan satu siasatan dijalankan ekoran jenayah melampau itu.

Menurut adik Valdez, Rafael, abangnya itu agak ceria sejak kebelakangan ini dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda menerima ugutan bunuh.

Sepanjang 30 tahun penglibatannya dalam bidang media, Valdez merupakan penulis yang disegani di Sinaloa, sebuah negeri yang menjadi tumpuan kartel dadah terkenal Mexico.

“Menjadi seorang wartawan adalah seperti mereka yang berada dalam senarai hitam. Walaupun memakai baju kalis peluru dan dilindungi pengawal keselamatan, kumpulan itu akan memutuskan bila mereka bakal melakukan pembunuhan,” tulis Valdez semasa melancarkan buku terakhirnya tentang kartel dadah.

Valdez bertugas dengan akhbar La Jornada dan Riodoce serta menyumbang bahan berita untuk AFP sejak 10 tahun lalu.

Sejak 2000, sebanyak 102 wartawan dilapor terbunuh di Mexico. – AFP

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/berita/luar-negara/bongkar-kartel-dadah-wartawan-dibunuh-1.482271#ixzz4hJtlnGuQ>